

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN • RABU 26 FEBRUARI 2025

SINAR HARIAN MISC NASIONAL 26/2/2025 (RABU)

KKM akan mohon tangguh syif 45 jam

la bagi membolehkan
KKM tangani isu
berbangkit

Oleh DIANA AZIS
SHAH ALAM

Menjelang beberapa hari tempoh interim tiga bulan sebelum pelaksanaan waktu kerja 45 jam seminggu bagi kakitangan syif, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad merayu kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) agar diberikan le-

bih masa untuk perbincangan lanjut.

"Dalam hal ini, JPA telah meluluskan tempoh interim selama tiga bulan mulai 1 Disember 2024 hingga 28 Februari depan bagi membuat persediaan ke arah pelaksanaan waktu bekerja syif 45 jam di KKM.

"KKM akan memohon agar diberikan moratorium kepada pelaksanaan waktu bekerja 45 jam ini," katanya ketika sesi penggulangan perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja bagi KKM di Dewan Rakyat pada Selasa.

Dr Dzulkefly berkata, sepanjang tempoh interim, KKM telah melaksanakan sesi libat urus dan dialog awam mengikut

zon di seluruh negara.

Antara hasil dapatan sesi libat urus dan sesi dialog awam katanya, KKM memerhatikan keperluan membantu penyelia dalam membuat penyusunan dan penyalarsan jadual waktu bekerja syif 45 jam.

Selain itu jelasnya, turut dibincangkan isu di lapangan meliputi kebajikan anggota kesihatan dalam waktu bekerja syif serta meneliti cadangan penambahbaikan bagi memperkukuhkan pelaksanaan tadbir urus waktu bekerja syif di fasiliti KKM sebelum diangkat untuk per-



DZULKEFLY

timbangan JPA.

"Saya juga telah mengadakan sesi libat urus bersama kesatuan sekerja pada 20 Februari 2025 lalu susulan libat urus berkenaan untuk mendapatkan pandangan menyeluruh serta penyelesaian tuntas berhubung pelaksanaan waktu bekerja syif.

"Saya mahu melakukan rundingan dengan JPA, apakah erti 42 jam campur 3 jam itu, yang menjadi keluh-kesah tenaga kerja kami supaya tidak menambah lagi beban tugas mereka," jelasnya.

Mengenai kekurangan jururawat, Dr Dzulkefly memaklumkan, KKM akan melaksanakan pengambilan seramai 3,228 jururawat tahun ini daripada graduan Diploma Kejururawatan keluaran institusi pendidikan dalam negara bagi tujuan mengisi perjawatan tetap di Kementerian.

Sementara itu Senator, Dr A Lingeswaran berkata, penangguhan syif kerja itu dimohon selama tiga bulan lagi supaya pelbagai isu berbangkit ditangani terlebih dahulu.

Katanya, perkara tersebut dimaklumkan Dr Dzulkefly kepada sekumpulan ahli Parlimen dan senator yang menemuinya untuk membincangkan isu berkenaan.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN M/S 2 NASIONAL 26/2/2025 (RABU)

JKPK Kesihatan syor kekalkan waktu kerja 42 jam seminggu

SHAH ALAM - Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Kesihatan mencadangkan agar Kementerian Kesihatan (KKM) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengekalkan waktu bekerja petugas sektor itu selama 42 jam seminggu seperti dilaksanakan sebelum ini.

Pengerusinya, Suhaizan Kaiat berkata, keputusan itu dibuat selepas mengadakan tiga sesi libat urus bersama Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Persatuan Jururawat Malaysia (MNA) dan Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia (PPPM) bagi mendengar sendiri isu berbangkit.

"Penambahan masa kerja daripada 42 jam kepada 45 jam seminggu boleh mendatangkan risiko kesihatan antaranya ialah peningkatan tekanan kerja yang boleh membawa kepada keletihan fizikal dan mental, peningkatan risiko kecuai dalam menjalankan tugas, pengurangan

masa berkualiti bersama keluarga, serta pertambahan risiko kemalangan semasa perjalanan ke dan dari tempat kerja.

"Perbandingan dengan penanda aras antarabangsa juga menunjukkan bahawa waktu bekerja yang dicadangkan adalah tidak wajar. Negara-negara maju seperti United Kingdom (UK) dan Jepun menetapkan 40 jam seminggu, Australia pada 38 jam seminggu, manakala Perancis hanya 35 jam seminggu. Singapura, negara jiran terdekat, juga mengamalkan waktu kerja 40 jam seminggu," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Pada masa sama, Suhaizan berkata, Malaysia masih menghadapi isu kekurangan kakitangan kesihatan yang menyebabkan beban tugas lebih tinggi berbanding negara luar,



SUHAIZAN

sekali gus tidak munasabah untuk tambah waktu bekerja melebihi penanda aras antarabangsa.

Beliau menambah, penambahan tiga jam seminggu juga akan mengakibatkan kehilangan 12 jam sebulan yang bersamaan dengan lebih daripada sehari waktu bercuti dan situasi ini memberi kesan terhadap kesejahteraan kakitangan.

"Masa yang sepatutnya dapat dimanfaatkan untuk keperluan peribadi dan keluarga ini akan terjejas, seterusnya memberi kesan negatif kepada keseimbangan kerja dan kehidupan kakitangan kesihatan.

JKPK Kesihatan juga katanya, turut mengemukakan beberapa syor penyelesaian jangka masa panjang bagi isu yang mendapat perhatian ramai tersebut.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN M/S 2 NASIONAL 26/2/2025
(RABU)

DJM harap batalkan terus tambahan waktu kerja jururawat

SHAH ALAM - Delegasi Jururawat Malaysia (DJM) berharap tempoh penangguhan pelaksanaan waktu kerja 45 jam seminggu bagi jururawat selama tiga bulan lagi akan digunakan sebaiknya pihak kerajaan untuk membatalkan penambahan jam bekerja itu sepenuhnya.

Menerusi satu hantaran di Facebook pada Selasa, DJM berkata, pembatalan itu turut diharapkan kekal untuk selamanya dan cadangan berkenaan tidak dibangkitkan lagi.

"Semoga tempoh tiga bulan ini digunakan sebaiknya oleh pihak atasan untuk membatalkan penambahan jam ini sepenuhnya sampai bila-bila," katanya.

Sementara itu, jururawat di sebuah hospital kerajaan yang hanya mahu dikenali sebagai Khairil Adrin berpandangan, peningkatan waktu bekerja kepada 45 jam seminggu akan menjejaskan keseimbangan

antara kerjaya dan kehidupan peribadi.

"Waktu bekerja semasa iaitu 42 jam seminggu hanya bersifat 'atas kertas'. Jika waktu bekerja ditambah, kualiti hidup akan merosot kerana masa untuk diri sendiri dan keluarga semakin terhad.

"Bagi mereka yang mempunyai anak kecil, penyesuaian dengan pengasuh atau pusat jagaan menjadi lebih sukar kerana kebanyakan tempat hanya menerima waktu kerja biasa," katanya.

Seorang lagi jururawat yang hanya mahu dikenali sebagai Amina menggesa kerajaan menambah pengambilan kakitangan kesihatan berbanding menambah waktu kerja jururawat.

Petugas di sebuah hospital kerajaan di Utara Semenanjung itu mengaku dia pernah beberapa kali menangis kerana terlampau penat sehingga hampir mengambil keputusan untuk berhenti kerja.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

BH M/S NASIONAL 26/2/2025 (RABU)

KKM akan mohon moratorium waktu kerja jururawat 45 jam

Inisiatif perkukuh tadbir urus di kemudahan kesihatan awam

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) akan memohon moratorium kepada tempoh interim pelaksanaan waktu bekerja selama 45 jam membabitkan golongan jururawat seliaannya.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata ini mengambil kira Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sudah meluluskan tempoh interim bagi persediaan pelaksanaan pendekatan itu antara 1 Disember lalu hingga 28 Februari ini.

Beliau berkata, sepanjang tempoh interim berkenaan, KKM sudah melaksanakan sesi libat urus dan dialog awam mengikut zon di seluruh negara.

Katanya, antara hasil dapatan sesi libat urus dan dialog awam seperti membantu penyelia

membuat penyusunan dan penyelarasan jadual waktu bekerja syif 45 jam, membincangkan isu di lapangan, meliputi kebajikan anggota kesihatan dalam waktu bekerja syif serta meneliti cadangan penambahbaikan bagi memperkukuh pelaksanaan tadbir urus waktu bekerja syif di kemudahan KKM, sebelum diangkat untuk pertimbangan JPA.

"KKM beriltizam memastikan pelaksanaan waktu bekerja teratur dan selaras peraturan berkuat kuasa bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan berkesan kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulung perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja bagi KKM di Dewan Rakyat, semalam.

Sebelum ini, Kesatuan Jururawat Malaya membangkitkan kebimbangan mengenai pelaksanaan waktu bekerja selama 45 jam itu, menyifatkan itu tidak adil untuk membandingkan jururawat yang bekerja secara syif, termasuk tugas malam, dengan pekerja pejabat yang hanya bekerja pada hari biasa.

Bagaimanapun Dr Dzulkefly melalui maklum balas kepada

kebimbangan itu menyifatkan arahan baharu di bawah Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) yang memerlukan jururawat di wad hospital bekerja tambahan tiga jam seminggu mulai 1 Disember ini sebagai munasabah.

Beliau berkata, walaupun jururawat perlu bekerja 45 jam seminggu berbanding 42 jam sebelum ini, kebajikan barisan hadapan kesihatan itu akan lebih terjaga menerusi waktu bekerja syif yang lebih fleksibel.

Jamin tak jejas kualiti

Sementara itu, Dr Dzulkefly berkata, KKM memberi jaminan kelonggaran syarat kemasukan ke program Diploma Kejururawatan bagi lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) daripada lima kepada tiga kredit tidak akan menjejaskan kualiti jururawat.

Beliau berkata, kelonggaran tidak akan membabitkan subjek teras iaitu Bahasa Melayu, Matematik dan juga Sains.

"Kemahiran analitikal, pemikiran kritikal dan pemahaman teori masih dikekalkan kerana silibus pembelajaran masih dikekalkan.

"Ini tidak menjejaskan status akreditasi antarabangsa prog-

ram Diploma Kejururawatan di negara ini kerana masih memenuhi standard akademik dan latihan ditetapkan," katanya.

Mengenai kekurangan jururawat Dr Dzulkefly berkata, pengambilan 3,228 jururawat akan dibuat tahun ini daripada graduan Diploma Kejururawatan keluaran institusi pendidikan dalam negara bagi mengisi perjawatan tetap di KKM.

Beliau berkata, seramai 10,679 pelatih meliputi 14 skim perkhidmatan paramedik dan auxiliari sedang menjalani latihan di Institut Latihan KKM seluruh negara, sehingga 31 Januari lalu.

Daripada jumlah itu, katanya 5,100 atau 47.8 peratus ialah pelatih program Diploma Kejururawatan, meliputi 4,367 jururawat pelatih dan 733 jururawat masyarakat (peralihan).

"Seramai 2,141 jururawat, masing-masing 1,754 lantikan tetap dan 387 lantikan kontrak direkodkan meletak jawatan, antara 2020 hingga tahun lalu.

"KKM juga membuat pengambilan 19,934 jururawat lantikan tetap dan kontrak bagi tempoh sama dengan jumlah ini jauh lebih tinggi berbanding yang meletak jawatan," katanya.



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

BH M/S 5 NASIONAL 26/2/2025 (RABU)
Tempoh latihan HO dipendekkan

Langkah tingkat produktiviti pegawai perubatan siswazah

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) menegaskan pemendekan tempoh latihan pegawai perubatan siswazah (HO), bukan untuk menangani kekurangan pegawai perubatan tetapi bertujuan meningkatkan produktiviti melalui latihan yang lebih berfokus dan berkesan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, berkata cadangan memendekkan tempoh latihan HO selaras Akta Perubatan 1971 yang mewajibkan tempoh latihan minimum selama satu tahun.

Beliau berkata, tempoh latihan sebelum ini ialah setahun sebelum ia dipanjangkan kepada dua tahun mulai 2008.

"Pemanjangan tempoh latihan ini dilaksanakan kerana berlaku peningkatan jumlah graduan perubatan ketika itu, namun jumlah pakar perubatan dan pegawai perubatan senior tidak mencukupi untuk menyelia serta

menyokong latihan mereka.

"Selaras dengan perancangan semasa dan juga setelah beberapa penambahbaikan dibuat terhadap proses latihan, termasuk jumlah pakar perubatan serta hospital berkepakaran yang semakin meningkat, KKM kini sedang pada peringkat akhir kajian untuk kembali memendekkan tempoh latihan HO kepada setahun," katanya, kelmarin.

Dr Muhammad Radzi berkata, tempoh latihan selama setahun dijangka lebih efisien, dengan syarat kualiti latihan ditingkatkan berdasarkan penilaian menyeluruh terhadap sistem latihan sedia ada serta perkembangan terkini dalam perkhidmatan kesihatan di Malaysia.

Beliau berkata, KKM sudah menjalankan sesi libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk Majlis Perubatan Malaysia (MMC), Akademi Perubatan Malaysia (AMM), pu-

sat pengajian tinggi dan ketua kepakaran.

"Selain itu, cadangan ini untuk menangani isu-isu yang sering dibangkitkan oleh HO. Fokus utama untuk meningkatkan pendedahan klinikal dan motivasi mereka," katanya.

Dr Muhammad Radzi menjelaskan jika ia dilaksanakan, tahun pertama latihan HO akan merangkumi Jabatan Perubatan, Jabatan Pembedahan serta Jabatan Obstetrik dan Ginekologi.

Pada tahun kedua, HO akan berperanan sebagai Pegawai Perubatan Junior dengan bertugas di Jabatan Pediatrik, Ortopedik dan Perubatan Kecemasan secara giliran.

"Latihan dalam bidang anestesia, psikiatri dan perubatan keluarga pula akan diserapkan ke dalam jadual latihan di jabatan-jabatan yang relevan bagi memastikan proses latihan lebih efisien," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA M/S 10 D/NEGERI 26/2/2025 (RABU)

Atasi bebanan kerja jururawat

Oleh ZAHRA MOHAMAD ZAHIR
fatimazahra@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kementerian Kesihatan perlu meneliti semula penyusunan sistem syif kerja dan memastikan kadar bayaran kerja lebih masa yang lebih seimbang bagi mengurangkan bebanan jururawat.

Pengerusi Persatuan Jururawat Lelaki Malaysia, Muhammad Julihan Kamari berkata, meskipun waktu kerja dicadang dikurangkan daripada 45 jam kepada 42 jam seminggu, sebaliknya beban kerja jururawat masih tidak berubah kerana sistem penggiliran tugas yang tidak fleksibel di samping tenaga kerja tidak mencukupi.

Katanya, kadar bayaran lebih masa bagi jururawat berpengalaman lebih 15 tahun masih tidak munasabah iaitu hanya sekitar RM18 sejam, jauh lebih

rendah berbanding hospital swasta yang menawarkan antara RM25 hingga RM45 sejam.

"Setiap hari, jururawat di hospital kerajaan berdepan dengan jumlah pesakit yang terlalu ramai selain kemudahan di hospital juga tidak memuaskan, kadangkala rosak sehingga mengganggu kelancaran tugas jururawat.

"Disebabkan beban kerja yang tinggi tetapi ganjaran tidak setimpal inilah yang menyebabkan ramai jururawat memilih untuk berhijrah ke sektor swasta atau ke luar negara. Sudah tentulah dengan kekurangan staf, jururawat sedia ada akan semakin terbeban," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Kelmarin, Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Kesihatan Parlimen mencadangkan agar Kementerian Kesihatan dan Jabatan Perkhidmatan Awam

(JPA) mengekalkan waktu bekerja 42 jam seminggu seperti yang telah dilaksanakan sebelum ini.

Langkah ini bertujuan mengurangkan beban tugas yang ditanggung kakitangan kesihatan serta meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat.

Perkara itu susulan Kementerian Kesihatan dilaporkan berhasrat menambah waktu kerja jururawat kepada 45 jam seminggu melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 berkaitan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

Muhammad Julihan berkata, Malaysia perlu mencontohi negara jiran dan melantik ketua jururawat bagi setiap wad atau jabatan untuk memastikan penyusunan jadual lebih sistematik serta kelancaran penyampaian rawatan kepada pesakit.

"Setiap syif perlu ada se-

orang ketua yang bertanggungjawab dalam menyusun tugas jururawat dan memastikan kerja berjalan lancar. Apa yang saya perhatikan di Kementerian Kesihatan, kebanyakan syif tidak mempunyai ketua. Ini menyebabkan jururawat tidak mendapat waktu rehat yang mencukupi.

"Jika sistem ini diperkenalkan, jadual petugas boleh disusun dengan lebih baik. Mereka boleh bergilir-gilir berehat tanpa menjejaskan kualiti rawatan kepada pesakit. Ini akan mengurangkan tekanan kerja dan meningkatkan kesejahteraan jururawat.

"Walaupun waktu kerja dikurangkan kepada 42 jam seminggu, jururawat masih terbeban sekiranya struktur syif tidak diubah dan tidak diurus dengan lebih sistematik," katanya.

Dalam pada itu, Muhammad

Julihan berkata, Kementerian Kesihatan perlu segera menangani masalah fasiliti hospital kerajaan yang serba kekurangan kerana ia mengganggu gugat kelancaran tugas jururawat dan doktor.

"Hospital kerajaan, terutamanya hospital besar, sering berdepan masalah kekurangan peralatan asas. Lebih menyedihkan, ada jururawat yang sanggup mengeluarkan duit poket sendiri untuk membeli peralatan yang sepatutnya disediakan oleh hospital.

"Kadangkala, untuk memperbaiki peralatan yang rosak pun mengambil masa sehari-hari. Akibatnya, jururawat terpaksa mencari alternatif sendiri supaya kerja mereka lebih mudah dan pesakit mendapat rawatan segera. Ini adalah sesuatu yang tidak sepatutnya berlaku," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NATION

NST M/S 7 NATION 26/2/2025 (RABU)

'Proposed Health Services Commission needs more power'

HEALTH Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad is open to supporting amendments to the Federal Constitution to grant greater authority to the proposed Health Services Commission.

This includes empowering it to create new positions, design salary structures and determine the remuneration and allowances of civil servants.

Currently, these responsibilities remain under the jurisdiction of the Public Service Department and the Finance Ministry.

Dzulkefly said as outlined in the Constitution, the commission did not have the authority to

undertake these responsibilities.

He said he was confident that the Health Parliamentary Special Select Committee (PSSC) could propose and advance the issue of amending the law if they see constraints on behalf of the commission and the ministry.

"If such constraints exist, I am confident that the Health PSSC can propose and advance this matter.

"I believe this is the legislative process we should follow.

"If I am constrained by this issue, I am confident that both backbenchers and the opposition can collaborate to put pressure

on the ministry.

"Through a whole-of-government and whole-of-Parliament approach, we can advance, amend and establish a commission that better suits current needs and is also future-proof."

He said this in reply to Khoo Poay Tiong (PH-Kota Melaka), who asked whether the Health Ministry planned to amend the laws to give the commission greater autonomy.

Separately, Dzulkefly said the Health Ministry's mutual transfer system would be operational by April.

"Under the standard transfer

process, an officer may be considered for a transfer after serving at a facility for at least three years. However, the Health Ministry evaluates transfers on a case-by-case basis..

"As widely known, the ministry has introduced a mutual transfer system, through which healthcare personnel can apply for a transfer if another officer is willing to swap positions with them.

"The ministry is in the final stages of developing an application platform for mutual transfers. This system will be implemented in phases and is expected to be fully operational by April."

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

BH M/S 4 NASIONAL 26/2/2025 (RABU)

Beberapa hospital swasta mungkin terkeluar senarai panel insurans

Kuala Lumpur: Beberapa hospital swasta mungkin dikeluarkan daripada senarai panel insurans kerana gagal memenuhi permintaan syarikat insurans untuk memberikan diskaun terlalu tinggi bagi bayaran pesakit.

Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) dalam kenyataan berkata, pihaknya menggesa pesakit menyemak dengan penyedia insurans masing-masing mengenai status hospital yang mungkin terjejas, bagi mengelakkan sebarang gangguan terhadap rawatan.

Katanya, isu berkenaan boleh memberi kesan kepada rawatan pesakit dan berpotensi menye-

babkan kelewatan rawatan kesihatan mereka.

“Kami ingin menegaskan pesakit masih boleh mendapatkan rawatan di hospital swasta yang dikeluarkan daripada senarai panel insurans. Mereka perlu membuat bayaran sendiri terlebih dulu sebelum membuat tuntutan insurans.

“Hospital swasta yang tidak lagi berada dalam senarai panel insurans juga tidak akan menerima kemudahan tanpa tunai atau surat jaminan daripada syarikat insurans.

“Hospital swasta sudah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mengawal kos perubatan, teru-

tamanya selepas pandemik COVID-19, dalam usaha menangani inflasi perubatan.

“Walaupun hospital ahli APHM sentiasa memberikan diskaun yang berpatutan kepada syarikat insurans, permintaan untuk diskaun yang terlalu tinggi tidak mampan dan boleh menjejaskan kualiti rawatan yang diharapkan oleh pesakit,” katanya.

APHM turut memaklumkan hospital swasta terus komited untuk menyediakan rawatan berkualiti tinggi dengan teknologi perubatan terkini serta kepakaran bertaraf antarabangsa untuk rawatan kepada pesakit.

Katanya, hospital swasta melabur semula keuntungan tahunan dalam infrastruktur dan peralatan moden bagi meningkatkan keberkesanan rawatan.

“Ketika ini, APHM mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kesihatan, Bank Negara dan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara bagi mencari penyelesaian yang lebih telus dalam menangani isu inflasi kos perubatan.

“Kami akan terus berusaha untuk melindungi kepentingan pesakit dan memastikan sistem penjagaan kesihatan di Malaysia berkembang secara mampan,” katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA M154 DI NEGERI 26/2/2025 (RABU)

Kerajaan tiada kuasa kawal bayaran hospital swasta

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan (KKM) tidak mempunyai kuasa mengawal selia sebarang bayaran hospital swasta seperti caj perkhidmatan kejururawatan, peralatan perubatan, alat pakai buang dan ujian makmal.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, kerajaan mengawal harga siling atau had maksimum bayaran konsultasi dan bayaran prosedur melalui penguatkuasaan Jadual Ketujuh dan Jadual Ketiga Belas dalam Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586).

Kata beliau, kerajaan berusaha memperkenalkan sistem pembayaran Diagnosis-Related Groups (DRGs) secara berfasa.

Jelasnya, langkah itu sebagai pendekatan mengawal bil hospital secara menyeluruh selain mengelakkan kesan yang tidak diingini dan tanpa meningkat-

kan kos pemprosesan dan pembayaran bil.

“Kerajaan komited mengkaji semula dan menambah baik Akta 586 dan jadual yang berkaitan ke arah pengawal bil hospital secara menyeluruh daripada sistem pembayaran sedia ada, iaitu bayaran-untuk-pembayaran, kepada sistem bayaran DRGs,” katanya di Dewan Rakyat pada sesi penggulungan perbincangan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja bagi Kementerian Kesihatan.

Dzulkefly berkata, sejumlah 6,919 pegawai perubatan meletakkan jawatan bagi tempoh empat tahun bermula 2020 hingga 2024.

Katanya, jumlah itu membatik 1,856 pegawai perubatan tetap, 3,846 pegawai perubatan kontrak dan 1,217 pakar perubatan.

“Bagaimanapun, antara tahun 2020 hingga 2024, Kement-

terian Kesihatan telah melahirkan seramai 4,776 pakar perubatan.

“Pada 2025 pula, dijangka seramai 900 orang pakar akan ditempatkan di fasiliti-fasiliti kesihatan yang memerlukan.

“Selain itu, sehingga 31 Januari lalu, seramai 6,211 pegawai perubatan sedang mengikuti latihan kepakaran Kementerian Kesihatan meliputi 5,519 pegawai dalam program Sarjana Perubatan dan 692 dalam program Parallel Pathway,” katanya.

Sementara itu, Dr. Dzulkefly berkata, pihak kementerian juga telah melantik tetap seramai 13,349 pegawai perubatan kontrak bagi tempoh 2020 hingga 2024.

“Bagi tahun 2025, Kementerian Kesihatan menyasarkan untuk melantik seramai 3,200 pegawai perubatan kontrak secara tetap bagi mengukuhkan sistem kesihatan,” katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : LOKAL

HARIAN METRO MIS 4 LOKAL 26/2/2025 (RABU)

Dua mangsa terkorban ketika terima rawatan di hospital

Tangkak: Dua maut manakala tujuh lagi parah selepas satu daripada lima mesin pembuatan dan pemprosesan getah meletup di kawasan perindustrian daerah ini, kelmarin.

Mereka yang

terbunuh adalah dua pekerja tempatan masing-masing berusia 40-an hingga 50-an yang meninggal dunia ketika menerima rawatan di

Hospital Tangkak dan Hospital Pakar Sultanah Fatimah (HPSP), Muar.

Ketua Polis Daerah Tangkak, Superintendan Roslan Mohd Talib berkata, dalam

kejadian jam 2 petang, seramai sembilan mangsa termasuk tiga warga asing terbabit dalam insiden itu.

Beliau berkata, mereka terdiri enam warga tempatan manakala tiga lagi warga Bangladesh, Nepal

dan Myanmar.

"Siasatan awal mendapati kejadian berlaku ketika kesemua mangsa sedang menyelenggara lima buah mesin di kilang terbabit.

"Bagaimanapun, salah satu mesin secara tiba-tiba

meletup hingga mencederakan sembilan pekerja. Dua daripadanya parah namun meninggal dunia ketika dirawat manakala tujuh lagi yang cedera dirawat di zon merah HPSP," katanya dalam kenyataan semalam.



KILANG memproses getah lokasi di mana Jainuddin dan rakan maut akibat mesin proses getah meletup.
- Gambar NSTP/ALIAS ABD RANI